

29 OCT 2002

Palestin-Mahathir

RAKYAT PALESTIN TERHUTANG BUDI KEPADA DR MAHATHIR, KATA DUTA BESAR

KOTA BAHARU, 29 Okt (Bernama) -- Rakyat Palestin terhutang budi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana keikhlasan dan kesungguhan beliau dan rakyat negara ini membantu mereka yang ditindas oleh Israel.

Duta Besar Palestin ke Malaysia, Ahmed Al-Farra, berkata keikhlasan itu sesuatu yang tidak dapat dibalas oleh rakyat Palestin.

"Malaysia bertuah mempunyai pemimpin seperti Dr Mahathir yang merupakan pemimpin Islam yang begitu tegas membantu kami," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Kemanusiaan Palestin dan Iraq yang dihadiri lebih 1,000 orang di padang Kompleks Sekolah-sekolah Wakaf Mek Zainab di sini hari ini.

Ucapannya dalam bahasa Arab itu diterjemahkan oleh Zubir Che Mat. Perhimpunan dianjurkan oleh Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Ahmed berkata antara jasa Dr Mahathir yang tidak akan dilupakan oleh penduduk Palestin ialah peranan Perdana Menteri dalam membantu membebaskan Presiden Palestin, Yasser Arafat, daripada kepungan tentera Israel baru-baru ini.

"Ketika (Yasser) Arafat berada dalam keadaan genting, Dr Mahathir adalah pemimpin Islam yang dihubunginya bagi membantu menyelesaikan keadaan itu," katanya.

Beliau berkata dengan sokongan padu itu, rakyat Palestin bertambah semangat untuk berjuang untuk negara mereka walau dengan apa cara sekalipun.

"Jika ada antara kami yang terbunuh, akan ada lagi anak-anak kami yang akan bangun menentang Israel," katanya.

Ahmed juga menggesa negara-negara Arab bergabung tenaga bagi membantu negara Islam lain yang ditindas dan meminta mereka tidak terpedaya dengan taktik Amerika Syarikat yang sedang bersiap untuk menyerang Iraq.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, pula berkata Umno negeri itu berasa bertanggungjawab untuk meningkatkan kesedaran rakyat Kelantan dan Malaysia untuk bersatu padu bagi memastikan umat Islam terus kukuh dan kuat.

Pada majlis itu, Mustapa mengetuai majlis menurunkan tandatangan simpati dan sokongan terhadap rakyat Palestin dan Iraq.

-- BERNAMA

ZI BD MAI